

Artikel

Tahap Literasi Politik Masyarakat Sabah Mengenai Hubungan Negeri-Persekutuan Berdasarkan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dalam Kerangka Federalisme

(The Level of Political Literacy Among Sabahan People on State-Federal Relations Based on The Malaysia Agreement 1963 (MA63) Within the Framework of Federalism)

Nor Shazeelyna Abas, Novel Lyndon, Nur Hafizah Yusoff, Zaini Othman & Nadiah Safirah Suznan

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Pengarang Koresponden: shazeelyna@gmail.com

Diserah: 13 Mei 2025

Diterima: 22 Julai 2025

Abstrak: Perdebatan tentang federalisme dalam bidang ilmu politik mula mendapat perhatian selepas Perang Dunia Kedua pada 1945 apabila negara-negara merdeka mula mencari bentuk sistem pemerintahan yang sesuai untuk diaplikasikan. Malaysia merupakan antara negara yang memilih sistem federalisme dengan sejarah pembentukan persekutuan yang unik menerusi penyatuan wilayah-wilayah yang berbeza dari segi pentadbiran dan budaya iaitu Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Ketiga-tiga wilayah ini telah memeterai Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) sebagai asas kepada proses dekolonisasi yang membawa kepada pembentukan Malaysia. Namun demikian, masih terdapat kekeliruan dalam kalangan masyarakat mengenai literasi federalisme dan MA63. Kekeliruan ini seringkali berlaku dalam konteks pertembungan wacana politik serta pengaruh teknologi maklumat khususnya media sosial yang sering menjadi sumber maklumat utama masyarakat. Walau bagaimanapun, kesahihan dan ketelusan maklumat yang disebarkan melalui media sosial tidak dapat dipastikan sepenuhnya sekali gus memberi kesan kepada tahap literasi masyarakat. Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk membincangkan tahap literasi masyarakat Sabah terhadap Perjanjian Malaysia dan konsep Federalisme dalam konteks hubungan antara Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu seramai 503 responden diperoleh dan dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif bagi menentukan tahap pengetahuan dan pemahaman responden terhadap MA63 dan konsep federalisme. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tahap literasi politik masyarakat Sabah berada pada tahap sederhana mengenai kefahaman terhadap prinsip pembahagian kuasa, hak-hak negeri serta Perjanjian Malaysia 1963 dalam kerangka hubungan antara negeri dan persekutuan.

Kata Kunci: Federalisme; Perjanjian Malaysia 1963; Sabah; Malaysia; literasi politik

Abstract: The debate on federalism in political science began to gain attention after World War II in 1945 as newly independent countries sought suitable systems of governance to implement. Malaysia is one of the countries that adopted a federal system, characterised by a uniquely formed federation created through the unification of territories with distinct administrative and cultural backgrounds specifically Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak. These three regions signed the Malaysia Agreement 1963 (MA63) as the foundation for the decolonisation process that led to the formation of Malaysia. However, confusion remains among the public regarding the literacy of federalism and MA63. This confusion often arises from conflicting political discourses and the influence of information technology particularly social media which has become the main source of information for many. Nonetheless, the accuracy and transparency of information

disseminated through social media cannot be fully verified, thus affecting the level of public literacy. The primary objective of this study is to examine the level of literacy among the people of Sabah concerning the MA63 and the concept of federalism within the context of Sabah–Federal Government relations. This study employed a quantitative approach involving 503 respondents and utilized descriptive statistical methods to determine the respondents' knowledge and understanding of MA63 and federalism. The findings indicate that the political literacy of the people in Sabah is at a moderate level, particularly in terms of understanding the principles of power distribution, state rights and the Malaysia Agreement 1963 within the federal-state relationship framework.

Keywords: Federalism; Malaysia Agreement 1963; Sabah; Malaysia; political literacy

Pendahuluan

Perdebatan tentang federalisme dalam bidang ilmu politik mula mendapat perhatian selepas Perang Dunia Kedua khususnya selepas tahun 1945 apabila negara-negara merdeka mula mencari bentuk sistem pemerintahan yang sesuai untuk diaplikasikan (Zawawi, 2018). Malaysia merupakan antara negara yang memilih sistem federalisme dengan sejarah pembentukan persekutuan yang unik menerusi penyatuan wilayah-wilayah yang berbeza dari segi pentadbiran dan budaya iaitu Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Penyatuan ini dimeterai melalui Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang menjadi asas dalam proses dekolonisasi dan pembentukan negara Malaysia yang berdaulat.

Hubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri merupakan teras kepada kestabilan institusi politik dan keutuhan sistem federalisme di Malaysia. Penubuhan Malaysia melalui Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) memperlihatkan pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dan negeri dengan Sabah dan Sarawak menerima autonomi yang lebih luas berbanding negeri-negeri di Semenanjung. Namun, pelaksanaan peruntukan MA63 terus menjadi isu perdebatan khususnya berkaitan pengagihan kuasa, hasil negeri, pendidikan dan pentadbiran tempatan (Jomo et. al., 2002). Jurang antara harapan masyarakat Sabah terhadap autonomi dan realiti kawalan pusat menimbulkan persoalan tentang keadilan dalam sistem federalisme Malaysia lebih-lebih lagi selepas pindaan Perkara 1(2) melalui Akta A354 pada tahun 1967 yang menurunkan status Sabah dan Sarawak daripada rakan sekutu kepada negeri-negeri biasa sekali gus memberi kesan simbolik terhadap kedudukan politik kedua-dua negeri tersebut (Pejabat Perdana Menteri, 2018).

Dari perspektif sosiologi politik, hubungan antara kerajaan pusat dan negeri bukan sekadar ditentukan oleh struktur institusi dan perundangan tetapi turut mencerminkan konstruk sosial berkaitan kuasa, identiti politik dan peluang sosial. Sabah dengan struktur sosial yang pluralistik, sejarah penjajahan yang panjang serta kedudukannya yang terpinggir dalam pembangunan nasional, menghasilkan masyarakat dengan pengalaman politik yang berbeza daripada negeri-negeri di Semenanjung (Bing, 2021). Dalam konteks ini, literasi politik merujuk kepada keupayaan masyarakat memahami, menganalisis dan terlibat dalam proses politik merangkumi sistem pemerintahan, pembuatan dasar dan isu-isu berkepentingan awam (Ismail et al., 2024) yang terbentuk melalui pengalaman sejarah, interaksi sosial dan pengaruh media sebagai agen sosialisasi.

Walaupun kajian terdahulu menunjukkan peningkatan kesedaran politik di Parlimen Tawau (Mohd Nasier et al., 2018), skopnya yang terhad tidak mewakili keseluruhan populasi Sabah. Dalam era digital kini, media sosial menjadi sumber utama maklumat politik, namun penapisan epistemik di platform ini telah menyumbang kepada kecelaruan fakta dan tafsiran. Laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) merekodkan sebanyak 3,111 aduan berkaitan berita palsu antara tahun 2020 hingga Mei 2022 (Berita Harian, 2023). Fenomena ini memuncak ketika PRU15 apabila isu MA63 dimanipulasi demi meraih sokongan politik sekali gus merumitkan lagi kekeliruan maklumat dan menjejaskan tahap literasi politik masyarakat Sabah.

Meskipun, isu MA63 dan hubungan pusat-negeri sering dibangkitkan dalam wacana politik dan media, tahap kefahaman masyarakat terhadap konsep federalisme dan kandungan sebenar perjanjian tersebut masih tidak menyeluruh. Kekurangan ini boleh menjejaskan penyertaan politik, pembentukan identiti

kenegaraan serta penglibatan dalam proses demokrasi. Dalam konteks penyebaran maklumat yang tidak seimbang melalui pelbagai medium digital, wujud keperluan untuk menilai secara empirikal sejauh mana masyarakat Sabah memahami peranan dan hak negeri mereka dalam struktur federalisme Malaysia. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menganalisis tahap literasi politik masyarakat Sabah terhadap hubungan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah berdasarkan pemahaman mereka terhadap peruntukan dan tafsiran Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Kajian ini bertujuan mengisi jurang pengetahuan dalam bidang literasi politik dan menyumbang kepada wacana pengukuhan federalisme melalui peningkatan kesedaran rakyat.

Sorotan Literatur

Sejarah federalisme di Malaysia bermula sejak penjajahan British apabila sistem monarki mutlak di Negeri-Negeri Melayu mula dicabar melalui pengenalan sistem Residen Inggeris menerusi Perjanjian Pangkor 1874. Raja-Raja Melayu hanya mengekalkan kuasa dalam hal ehwal agama dan adat istiadat manakala Residen Jeneral yang dilantik di Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan memusatkan kuasa pentadbiran kolonial sekali gus membawa kepada pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1895. Struktur ini tidak menyediakan agihan kuasa formal antara negeri dan pusat malah lebih menyerupai sistem kesatuan dengan penumpuan kuasa yang berfungsi untuk menjimatkan kos pentadbiran dan memudahkan eksploitasi ekonomi (Simandjuntak, 1969). Sebaliknya, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu seperti Johor, Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu mengekalkan autonomi pemerintahan raja dan lebih dekat dengan struktur konfederasi (Alam, 1988). Perbezaan struktur ini mencerminkan pola awal hubungan pusat-negeri yang membentuk asas kepada evolusi federalisme di Tanah Melayu.

Menurut Low (2013), usaha British untuk menyatukan pentadbiran di bawah sistem berpusat berterusan sehingga Perang Dunia Kedua yang mendedahkan kelemahan pemerintahan kolonial. Kegagalan mempertahankan Tanah Melayu daripada serangan Jepun dalam 55 hari mendorong British menggubal Malayan Union pada 1946 yang mencadangkan pemansuhan kuasa sultan dan konsep kerakyatan terbuka (Funston, 1980). Namun, penentangan hebat rakyat dan raja-raja Melayu memaksa British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948 yang membawa semula ciri-ciri federalisme yang lebih seimbang dan memperkukuh kedudukan Raja-Raja Melayu serta hak istimewa orang Melayu. Kemerdekaan dicapai pada 31 Ogos 1957 daripada hasil rundingan Perikatan dan Raja-Raja Melayu bersama pihak British. Suruhanjaya Reid yang ditubuhkan bagi menggubal perlembagaan telah menggariskan struktur sebuah negara persekutuan dengan agihan kuasa antara kerajaan pusat dan 11 kerajaan negeri. Struktur ini menjadi asas penting kepada pembentukan negara Malaysia pada tahun 1963 apabila Sabah, Sarawak dan Singapura bersetuju untuk menyertai Persekutuan Malaysia.

Cadangan awal penubuhan Malaysia telah dikemukakan sejak abad ke-19 oleh tokoh seperti Lord Brassey untuk menggabungkan wilayah di Borneo, Tanah Melayu dan Negeri-Negeri Selat. Namun, cadangan ini hanya direalisasikan pada tahun 1961 apabila Tunku Abdul Rahman mencadangkan secara rasmi pembentukan Malaysia yang melibatkan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah (Borneo Utara), Sarawak dan Brunei. Meskipun wujud tentangan daripada parti politik tempatan dan keraguan masyarakat Borneo, usaha seperti penubuhan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (MSCC) dan Suruhanjaya Cobbold menunjukkan komitmen semua pihak ke arah persefahaman (Adil, 2023). Suruhanjaya Cobbold turut mendapati majoriti rakyat Sabah dan Sarawak menyokong penubuhan Malaysia dengan syarat jaminan khas diberikan melalui perjanjian yang adil.

Hasil rundingan kemerdekaan, Perjanjian Malaysia 1963 dimeterai dengan memberi Sabah autonomi khas melalui dokumen 20 Perkara yang meliputi imigresen, agama, bahasa, pendidikan dan keistimewaan bumiputera. Penubuhan Malaysia juga berfungsi sebagai strategi geopolitik mengekang komunisme serta mempercepat kemerdekaan kedua-dua wilayah daripada British. Jawing (2019) menegaskan bahawa pembentukan Malaysia bukan sahaja menstabilkan politik serantau malah menggalakkan perpaduan kaum dan keseimbangan demografi dalam negara berbilang etnik. Penyertaan Sabah dan Sarawak mewujudkan model federalisme asimetrik di mana kedua-duanya menerima kuasa lebih luas berbanding negeri Semenanjung selaras dengan MA63. Walaupun Singapura keluar pada 1965, struktur federalisme kekal menjadi asas tadbir

urus negara, meski pelaksanaannya terutama keseimbangan kuasa pusat-negeri terus menjadi bahan perdebatan.

Struktur federalisme yang diperkenalkan sejak kemerdekaan dan diperluas melalui pembentukan Malaysia pada 1963 memperkukuh prinsip pembahagian kuasa sebagai asas tadbir urus negara. Perlembagaan Persekutuan memperincikan agihan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui Senarai Persekutuan, Negeri dan Bersama seperti termaktub dalam Perkara 71 hingga 81 (Agustino, 2011). Hal ini menjamin hak dan bidang kuasa yang jelas antara kedua-dua pihak. Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab terhadap urusan nasional seperti keselamatan, pertahanan, kewarganegaraan, kewangan dan hubungan luar manakala Kerajaan Negeri mengurus hal tempatan termasuk tanah, air, perhutanan, agama Islam dan kerajaan tempatan. Terdapat juga bidang kuasa bersama seperti pendidikan, kebajikan masyarakat, perparitan dan kesihatan awam.

Dari segi pelaksanaan, wujud kecenderungan dominasi Kerajaan Persekutuan dalam bidang yang sepatutnya di bawah kuasa negeri seperti diperuntukkan dalam Perkara 75 yang meletakkan undang-undang Persekutuan mengatasi undang-undang negeri jika berlaku percanggahan serta Perkara 76 dan 92 yang membolehkan Parlimen menggubal undang-undang dalam bidang negeri atas sebab tertentu. Keadaan ini menunjukkan bahawa federalisme Malaysia tidak sepenuhnya simetri. Campur tangan pusat dalam aspek perundangan, kewangan dan pentadbiran turut menimbulkan persoalan mengenai kesetaraan kuasa. Bagi Sabah dan Sarawak, federalisme asimetrik memberi mereka kuasa khas dalam hal imigresen, tanah, bahasa rasmi dan sumber asli seperti dijamin dalam MA63 serta dokumen 20 Perkara Sabah. Namun begitu, kuasa-kuasa ini sering menjadi isu perdebatan dan rundingan semula kerana wujud persepsi bahawa semangat asal MA63 belum sepenuhnya dilaksanakan. Maka, walaupun Malaysia secara struktur ialah negara persekutuan, realitinya masih wujud ketidakseimbangan dalam agihan kuasa antara pusat dan negeri.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan sains sosial kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan bagi mengukur tahap literasi politik dan kesedaran sosiopolitik masyarakat Sabah terhadap hubungan kuasa antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan berdasarkan kerangka MA63. Reka bentuk ini dipilih kerana ia membolehkan pengumpulan data berskala besar secara sistematik untuk menjelaskan tahap kefahaman dan kesedaran politik rakyat.

Instrumen kajian ialah soal selidik berstruktur merangkumi latar belakang demografi, sistem kenegaraan, bidang kuasa MA63 dan literasi politik. Soalan berbentuk tertutup dengan skala Likert dan nominal membolehkan analisis statistik deskriptif dijalankan. Selain itu, lokasi kajian tertumpu di dua wilayah utama Sabah: (i) Pantai Barat (Kota Kinabalu) yang mewakili pusat pentadbiran dan institusi sosial utama seperti media dan pendidikan serta (ii) Pantai Timur (Tawau) iaitu bandar pelbagai etnik dan ekonomi yang mencerminkan dinamika sosial luar pusat pemerintahan.

Seramai 503 responden berumur 18 tahun ke atas dipilih melalui pensampelan berstrata berdasarkan umur, jantina, tahap pendidikan dan lokasi bagi memastikan keterwakilan sosial yang seimbang serta meningkatkan kesahan luaran (Rahman et al., 2022). Data dikumpul secara bersemuka dan atas talian (Google Form) manakala analisis dilakukan menggunakan SPSS versi terkini melalui statistik deskriptif untuk menilai tahap kefahaman terhadap MA63, federalisme dan kecenderungan politik masyarakat Sabah.

Dari segi jantina, 54.5% responden ialah perempuan dan 45.5% lelaki. Majoriti berumur 30–39 tahun (38.4%), diikuti 21–29 tahun (29.4%) menunjukkan penglibatan aktif generasi dewasa muda yang terdedah kepada agen sosialisasi seperti media sosial. Dari aspek pendidikan, kebanyakan responden berpendidikan menengah (38.4%), diikuti rendah (33.4%) dan tiada pendidikan formal (12.9%) manakala hanya sebilangan kecil memiliki pendidikan tinggi yang mencerminkan jurang akses dan kemampuan refleksi terhadap maklumat politik. Dari segi lokasi, 64.2% tinggal di bandar dan 35.8% di luar bandar, memperlihatkan variasi konteks sosial dan tahap pendedahan terhadap saluran maklumat yang berbeza yang turut mempengaruhi tahap literasi politik.

Jadual 1. Demografi responden

Demografi	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	229	45.5
Perempuan	274	54.5
Umur		
18-20	66	13.1
21-29	148	29.4
30-39	193	38.4
40-49	37	7.4
50-59	31	6.2
60-69	18	3.6
70 dan ke atas	10	2.0
Tahap Pendidikan		
Tiada Pendidikan Formal	65	12.9
Sekolah Rendah	168	33.4
Sekolah Menengah	193	38.4
Sijil/Diploma	45	8.9
Ijazah Sarjana Muda	19	3.8
Ijazah Sarjana	13	2.6
Lokasi		
Bandar	323	64.2
Luar Bandar	180	35.8

Hasil Kajian

Berdasarkan jadual 2 di bawah, sumber maklumat dibahagikan kepada empat (4) saluran iaitu: (i) media cetak; (ii) media elektronik; (iii) media sosial atau atas talian dan (iv) lain-lain (sumber interpersonal) berkaitan Federalisme dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

Dapatan menunjukkan bahawa responden merujuk pelbagai saluran komunikasi bagi memperoleh maklumat kenegaraan. Dalam kategori media cetak, Borneo Post mencatatkan rujukan tertinggi (56.26%), diikuti Berita Harian (54.67%), Utusan Borneo (52.49%), Harian Metro (45.53%), Utusan Malaysia (43.14%) dan Sinar Harian (39.96%) manakala akhbar seperti Harakah, Kosmo, New Straits Times dan The Star mencatat peratusan lebih rendah. Secara keseluruhan, jumlah rujukan media cetak ialah 1,723. Bagi media elektronik (1,512 rujukan), saluran paling dominan ialah TV3 (73.36%), Astro Awani (65.01%), TV1 (56.26%) dan Bernama TV (34.99%) manakala saluran lain seperti TV2, TV9, NTV7, TV8, Astro AEC dan TV Alhijrah menunjukkan capaian yang lebih terhad. Radio (25.45%) dan papan kenyataan digital (8.35%) turut berfungsi sebagai medium komunikasi alternatif. Media sosial dan atas talian mencatatkan jumlah tertinggi dengan 2,265 rujukan. *Facebook* menjadi sumber utama (79.92%), diikuti *YouTube* (64.21%), *Telegram* (49.90%), *TikTok* (48.11%) dan *Twitter/X* (43.74%). Portal berita seperti *MalaysiaKini*, *Bernama Online*, *Astro Online* dan *Free Malaysia Today* turut dirujuk bersama aplikasi pesanan seperti *WhatsApp* (34.00%) dan *WeChat* (1.99%).

Sumber interpersonal pula melibatkan rakan (53.08%), ahli keluarga (43.14%), pemimpin setempat (40.95%), majikan (37.77%) dan ceramah atau kempen (32.80%). Sumber lain termasuk ibu bapa, jiran, guru, pensyarah, pengengaruh serta pemimpin NGO dan agama. Jumlah keseluruhan rujukan bagi kategori ini ialah 1,465 menunjukkan bahawa interaksi sosial terus memainkan peranan penting dalam pembentukan maklumat dan kesedaran politik. Secara kumulatif, sebanyak 6,965 kekerapan rujukan direkodkan merangkumi pelbagai sumber maklumat. Dapatan ini menunjukkan keterdedahan responden terhadap ekosistem komunikasi yang kompleks, hasil gabungan media tradisional, digital dan hubungan interpersonal dalam memahami isu federalisme dan MA63.

Jadual 2. Sumber maklumat

Sumber Maklumat	Kekerapan	Peratusan (%)
Media Cetak		
Berita Harian	275	54.67
Utusan Malaysia	217	43.14
Harakah	133	26.44
Sinar Harian	201	39.96
Harian Metro	229	45.53
Kosmo	33	6.56
New Straits Times	44	8.75
The Star	44	8.75
Borneo Post	283	56.26
Utasan Borneo	264	52.49
JUMLAH	1,723	
Media Elektronik		
TV 1	283	56.26
TV 2	109	21.67
TV 3	369	73.36
NTV 7	15	2.98
TV 8	15	2.98
TV 9	38	7.55
Bernamea TV	176	34.99
Astro Awani	327	65.01
TV Alhijrah	4	0.80
Astro AEC	6	1.19
Radio	128	25.45
Papan Kenyataan Digital	42	8.35
JUMLAH	1,512	
Media Sosial/ Atas Talian		
<i>Tiktok</i>	242	48.11
<i>Instagram</i>	147	29.22
<i>Youtube</i>	323	64.21
<i>Facebook</i>	402	79.92
<i>Whatsapp</i>	171	34.00
<i>Twitter/ X</i>	220	43.74
<i>Telegram</i>	251	49.90
<i>Malaysia Kini</i>	180	35.79
<i>Free Malaysian Today</i>	22	4.37
<i>Wechat</i>	10	1.99
Emel	80	15.90
Bernamea Online	53	10.54
Astro Online	49	9.74
Sabah Kini	4	0.80
Sabah Gazette	5	0.99
Awani Borneo	72	14.31
SMS	34	6.76
JUMLAH	2,265	
Lain-lain (Sumber Interpersonal)		
Ibu Bapa	110	21.87
Ahli Keluarga	217	43.14
Jiran	94	18.69
Rakan	267	53.08
Guru/Pensyarah	206	40.95
Pemimpin Setempat	85	16.90
Pemimpin NGO	42	8.35
Pemimpin Agama	4	0.80
Majikan	165	32.80
Ceramah/Kempen	190	37.77
Pempengaruh	85	16.90
JUMLAH	1,465	

1. Sistem Bernegara di Malaysia

Pengetahuan politik merangkumi kefahaman terhadap struktur negara, sistem perundangan, institusi pemerintahan dan peranan individu dalam kenegaraan. Dalam konteks hubungan kuasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta pelaksanaan MA63, tahap pengetahuan politik responden menjadi indikator utama literasi politik yang mencerminkan sejauh mana mereka memahami, menghayati dan memberi respons kritis terhadap isu hak serta kedudukan negeri dalam kerangka federalisme.

Struktur Negara

Tahap pengetahuan masyarakat terhadap struktur negara merupakan indikator penting literasi politik khususnya dalam konteks federalisme Malaysia. Dalam sosiologi politik, kefahaman tentang bentuk negara seperti persekutuan, kesatuan atau konfederasi membentuk asas kesedaran kolektif dan orientasi terhadap institusi kenegaraan. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya variasi pemahaman termasuk kekaburan kognitif dalam kalangan responden terhadap realiti pemerintahan negara.

Jadual 3 di atas memperincikan taburan kekerapan dan peratusan responden terhadap pemahaman mereka mengenai bentuk sistem negara yang merangkumi tiga bentuk utama iaitu negara persekutuan, negara kesatuan, dan negara konfederasi. Bagi kategori negara persekutuan, majoriti responden bersetuju bahawa Malaysia ialah negara persekutuan (41.6% sangat bersetuju, 25.4% bersetuju) manakala 22.3% tidak bersetuju, 7.8% tidak pasti dan 3.0% sangat tidak bersetuju. Dalam kategori negara kesatuan, 32.2% bersetuju, 12.3% sangat bersetuju, 18.5% tidak pasti dan 37.0% tidak bersetuju atau sangat tidak bersetuju. Bagi negara konfederasi, 27.8% bersetuju, 9.5% sangat bersetuju, 24.1% tidak pasti dan 38.6% tidak bersetuju atau sangat tidak bersetuju. Secara keseluruhan, responden cenderung mengenal pasti Malaysia sebagai negara persekutuan namun wujud kekeliruan terhadap konsep negara kesatuan dan konfederasi.

Jadual 3. Pengetahuan terhadap struktur negara

Pembentukan Sistem Negara	Kekerapan	Peratusan (%)
Negara Persekutuan		
Sangat Tidak Setuju	15	3.0
Tidak Setuju	112	22.3
Tidak Pasti	39	7.8
Setuju	128	25.4
Sangat Setuju	209	41.6
Negara Kesatuan		
Sangat Tidak Setuju	155	30.8
Tidak Setuju	31	6.2
Tidak Pasti	93	18.5
Setuju	162	32.2
Sangat Setuju	62	12.3
Negara Konfederasi		
Sangat Tidak Setuju	167	33.2
Tidak Setuju	27	5.4
Tidak Pasti	121	24.1
Setuju	140	27.8
Sangat Setuju	48	9.5

Selain itu, kefahaman responden terhadap sistem pemerintahan Malaysia merupakan indikator penting dalam menilai literasi politik. Jadual 4 menunjukkan kefahaman responden terhadap dua sistem pemerintahan iaitu demokrasi berpresiden dan demokrasi berparlimen raja berperlembagaan. Seramai 49.3% responden tidak bersetuju atau sangat tidak bersetuju bahawa Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berpresiden manakala 27.0% bersetuju dan 13.3% tidak pasti. Sebaliknya, 66.8% bersetuju atau sangat bersetuju bahawa Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen raja berperlembagaan dengan hanya 16.7% tidak bersetuju dan 16.5% tidak pasti. Dapatan ini mencerminkan tahap pemahaman responden terhadap sistem pemerintahan negara serta keupayaan membezakan antara dua sistem yang dikemukakan.

Jadual 4. Sistem pemerintahan di Malaysia

Sistem Pemerintahan	Kekerapan	Peratusan (%)
Sistem Demokrasi Berpresiden		
Sangat Tidak Setuju	181	36.0
Tidak Setuju	67	13.3
Tidak Pasti	67	13.3
Setuju	136	27.0
Sangat Setuju	52	10.3
Sistem Demokrasi Berparlimen		
Raja Berperlembagaan		
Sangat Tidak Setuju	22	4.4
Tidak Setuju	62	12.3
Tidak Pasti	83	16.5
Setuju	135	26.8
Sangat Setuju	201	40.0

Walaupun majoriti responden mengenal pasti sistem pemerintahan secara umum, wujud kekeliruan terhadap peranan YDPA dalam kerangka perlembagaan. Kekeliruan ini menunjukkan jurang literasi politik khususnya berkaitan aspek simbolik, perundangan dan institusi beraja. Dapatan menunjukkan 38.2% responden sangat tidak bersetuju dan 12.9% tidak bersetuju bahawa YDPA ialah Ketua Kerajaan manakala 16.3% tidak pasti, 18.9% bersetuju dan 13.7% sangat bersetuju. Sebaliknya, bagi peranan sebagai Ketua Negara, 43.1% responden sangat bersetuju dan 27.8% bersetuju mencerminkan kefahaman yang lebih tepat. Hanya 11.5% tidak pasti, 4.6% tidak bersetuju dan 12.9% sangat tidak bersetuju. Dapatan ini menunjukkan perbezaan ketara dalam kefahaman responden dengan majoriti menyedari bahawa YDPA ialah Ketua Negara dan bukan Ketua Kerajaan selaras dengan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Jadual 5 merumuskan kefahaman ini berdasarkan dua dimensi: Ketua Kerajaan dan Ketua Negara.

Jadual 5. Peranan Yang di-Pertuan Agong

Peranan Yang di-Pertuan Agong	Kekerapan	Peratusan (%)
Ketua Kerajaan		
Sangat Tidak Setuju	192	38.2
Tidak Setuju	65	12.9
Tidak Pasti	82	16.3
Setuju	95	18.9
Sangat Setuju	69	13.7
Ketua Negara		
Sangat Tidak Setuju	65	12.9
Tidak Setuju	23	4.6
Tidak Pasti	58	11.5
Setuju	140	27.8
Sangat Setuju	217	43.1

Jadual 6 menunjukkan persepsi responden terhadap institusi Parlimen sebagai badan perundangan tertinggi di Malaysia. Seramai 31.4% sangat tidak setuju, 11.7% tidak setuju dan 20.1% tidak pasti bahawa Parlimen merupakan badan perundangan negara. Hanya 19.9% bersetuju dan 16.9% sangat bersetuju mencerminkan tahap pengetahuan yang masih rendah dalam kalangan responden.

Jadual 6. Badan Perundangan di Malaysia dipanggil Parlimen

Badan Perundangan dipanggil Parlimen	Kekerapan	Peratusan (%)
Sangat Tidak Setuju	158	31.4
Tidak Setuju	59	11.7
Tidak Pasti	101	20.1
Setuju	100	19.9
Sangat Setuju	85	16.9

Taburan ini menunjukkan wujud jurang pengetahuan signifikan dalam kalangan responden terhadap institusi Parlimen dengan ramai yang tidak setuju atau keliru. Hal ini mencerminkan tahap literasi politik yang belum menyeluruh, walaupun Parlimen merupakan tunjang demokrasi berperwakilan dan sistem perundangan. Keadaan ini turut mencerminkan keberkesanan terhadap agen sosialisasi politik dalam menyampaikan maklumat asas mengenai institusi negara.

Bidang Kuasa Perjanjian Malaysia 1963

Bidang kuasa yang diperuntukkan melalui Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) merupakan asas dalam memahami autonomi Sabah dan Sarawak dalam sistem federalisme Malaysia. Dalam masyarakat pluralistik, kefahaman terhadap isu seperti imigresen, tanah, agama dan darurat mencerminkan tahap literasi perlembagaan serta keupayaan menilai kedudukan wilayah dalam struktur kuasa nasional. Kekurangan pengetahuan ini boleh membawa kepada persepsi politik yang tidak seimbang dan terdedah kepada naratif separa benar. Oleh itu, menilai tahap kefahaman terhadap bidang kuasa ini penting bagi mengenal pasti jurang literasi politik akibat ketaksamaan maklumat dan pendidikan dalam masyarakat majmuk seperti Sabah.

Jadual 7 menunjukkan tahap pemahaman masyarakat terhadap bidang kuasa agama dalam struktur federalisme Malaysia masih lemah dan tidak sekata. Hanya 47.3% responden bersetuju atau sangat bersetuju bahawa urusan agama terletak di bawah Kerajaan Negeri manakala 52.7% selebihnya tidak pasti atau tidak bersetuju. Jurang ini mencerminkan kelemahan kefahaman isu kenegaraan sekali gus menggesa keperluan pendekatan pembelajaran berasaskan komuniti dan penggunaan media yang lebih efektif bagi memperkukuh literasi perlembagaan.

Antara ciri utama federalisme Malaysia seperti termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) ialah pengecualian bidang kuasa tertentu kepada Sabah dan Sarawak, berbeza dengan negeri-negeri di Semenanjung. Kuasa imigresen merupakan antara yang paling signifikan seperti diperuntukkan dalam Seksyen 66 Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 1963) [Akta 155] yang mensyaratkan warganegara Malaysia mendapatkan pas atau permit untuk memasuki Malaysia Timur. Kefahaman terhadap kuasa ini bukan sahaja mencerminkan tahap pengetahuan perlembagaan, malah menjadi indikator penting literasi politik rakyat terhadap prinsip federalisme asimetrik serta kesedaran tentang hak dan kedudukan negeri dalam struktur persekutuan.

Jadual 7. Urusan keagamaan termaktub di bawah bidang kuasa negeri

Urusan Keagamaan – Kerajaan Negeri	Kekerapan	Peratusan (%)
Sangat Tidak Setuju	133	26.4
Tidak Setuju	39	7.8
Tidak Pasti	93	18.5
Setuju	140	27.8
Sangat Setuju	98	19.5

Jadual 8 menunjukkan bahawa 67.4% responden (38.8% sangat setuju, 28.6% setuju) beranggapan kuasa imigresen terletak di bawah Kerajaan Persekutuan, bertentangan dengan peruntukan sebenar Perlembagaan dan MA63 yang meletakkan bidang kuasa ini di bawah Kerajaan Negeri Sabah. Hanya 11.3% (9.1% tidak setuju, 2.2% sangat tidak setuju) memberikan jawapan yang tepat manakala 21.3% lagi tidak pasti sekali gus mencerminkan kekeliruan signifikan terhadap hak autonomi negeri dalam kerangka federalisme Malaysia Timur.

Jadual 8. Status imigresen Sabah di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan

Status Imigresen Sabah – Kerajaan Persekutuan	Kekerapan	Peratusan (%)
Sangat Tidak Setuju	11	2.2
Tidak Setuju	46	9.1
Tidak Pasti	107	21.3
Setuju	144	28.6
Sangat Setuju	195	38.8

Sebaliknya, tahap kefahaman terhadap bidang kuasa tanah lebih memberangsangkan. Sejumlah 87.7% responden (50.1% sangat setuju, 37.6% setuju) menyatakan tanah di bawah kuasa Kerajaan Negeri, sejajar dengan peruntukan perlembagaan. Hanya 4.2% tidak setuju, 8.2% tidak pasti dan tiada yang sangat tidak setuju, menunjukkan kefahaman yang lebih kukuh dalam kalangan masyarakat terhadap isu ini.

Jadual 9. Tanah berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri

Tanah – Kerajaan Negeri	Kekerapan	Peratusan (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	21	4.2
Tidak Pasti	41	8.2
Setuju	189	37.6
Sangat Setuju	252	50.1

Selari dengan perbincangan mengenai bidang kuasa negeri, isu pengisytiharan darurat turut mencerminkan dinamik hubungan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Jadual 10 menunjukkan bahawa 72.7% responden (42.7% sangat setuju, 33.0% setuju) memahami bahawa dalam situasi darurat, undang-undang Persekutuan mengatasi undang-undang Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Namun, 18.9% tidak pasti manakala 5.4% tidak bersetuju, mencerminkan kekeliruan yang masih wujud dalam kalangan responden. Kekeliruan ini berisiko membuka ruang kepada salah tafsir dan manipulasi wacana awam, justeru pengukuhan literasi politik dan perundangan amat penting bagi meningkatkan kefahaman terhadap bidang kuasa darurat.

Jadual 10. Darurat dalam Persekutuan mengatasi undang-undang kerajaan negeri

Darurat	Kekerapan	Peratusan (%)
Sangat Tidak Setuju	1	0.2
Tidak Setuju	26	5.2
Tidak Pasti	95	18.9
Setuju	166	33.0
Sangat Setuju	215	42.7

Perbincangan

Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan prinsip federalisme merupakan tonggak utama pembentukan Malaysia khususnya dalam menjamin hak dan kepentingan Sabah dan Sarawak dalam kerangka persekutuan. Pemahaman masyarakat terhadap kedua-duanya terbentuk melalui interaksi pelbagai saluran komunikasi dalam ekosistem maklumat semasa. Dalam konteks ini, sumber maklumat bukan sekadar penyampai fakta tetapi berperanan sebagai agen sosialisasi politik yang membentuk pengetahuan, sikap dan orientasi politik individu terhadap struktur kuasa dan sistem pemerintahan negara.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa variasi sumber maklumat yang diakses oleh masyarakat Sabah berperanan penting dalam membentuk literasi politik mereka terhadap federalisme dan MA63. Kecenderungan responden menggunakan pelbagai saluran digital, cetak dan interpersonal mencerminkan corak pembentukan kesedaran politik yang terikat kepada konteks sosial, budaya dan geografi. Corak ini bukan sahaja signifikan secara kuantitatif tetapi turut mencerminkan dinamika sosialisasi politik dalam masyarakat pluralistik seperti Sabah di mana maklumat ditafsir berdasarkan pengalaman sosial kolektif.

Kemunculan media baharu hasil evolusi teknologi komunikasi telah mengubah secara ketara landskap penyebaran maklumat politik. Media sosial seperti *Facebook*, *TikTok*, *Telegram* dan *YouTube* bukan sahaja menjadi alternatif kepada media arus perdana, malah kini menjadi medium utama wacana politik yang lebih bebas dan inklusif. Seperti yang dinyatakan oleh Ali Salman et al. (2018), media sosial berperanan sebagai agen demokrasi maklumat dengan memberi akses terus kepada rakyat tanpa tapisan institusi. Dapatan kajian ini turut menunjukkan media sosial sebagai sumber maklumat paling dominan dalam memahami isu federalisme dan MA63. Namun begitu, dominasi ini juga mendedahkan masyarakat kepada risiko maklumat separa benar dan manipulatif. Seperti diujahkan oleh Gramsci (1971), wacana hegemonik yang tidak dikawal boleh membentuk kesedaran palsu. Fenomena ini ketara semasa pilihan raya apabila MA63 dimanipulasi

untuk tujuan politik. Dalam konteks ini, penyebaran maklumat berlaku dalam ruang diskursif terbuka yang mencabar autoriti institusi dan menjejaskan kejelasan fakta politik. Oleh itu, media sosial berfungsi sebagai pedang bermata dua yang sekaligus memperluas penglibatan politik dan menjadi saluran kepada penyebaran maklumat yang tidak sah.

Media cetak masih memainkan peranan penting sebagai saluran maklumat kedua tertinggi dirujuk oleh responden dengan akhbar tempatan seperti *Borneo Post* dan *Utusan Borneo* menjadi pilihan utama. Fenomena ini mencerminkan pengaruh lokaliti dan identiti wilayah dalam pemilihan sumber maklumat selari dengan pandangan Hall (1997) bahawa pemilihan maklumat dipengaruhi oleh struktur sosial seperti geografi, sejarah dan budaya. Di Sabah, media tempatan bukan sekadar menyampaikan maklumat tetapi juga bertindak sebagai agen legitimasi naratif wilayah dan memperkukuh kesedaran politik berdasarkan realiti lokal. Kajian Mohd Basori et. al., (2020) turut menyokong dapatan ini apabila mendapati akhbar tempatan merupakan medium utama masyarakat Sabah dalam mengikuti isu politik. Pemilihan sumber ini memperlihatkan dinamika kuasa simbolik dan hegemoni wacana (Gramsci, 1971) dalam pembentukan persepsi terhadap hubungan kuasa dalam kerangka federalisme.

Dalam kategori sumber interpersonal, komunikasi bersemuka seperti perbincangan dengan rakan, keluarga, pemimpin setempat dan guru masih digunakan secara meluas. Adler et al. (2023) menyatakan bahawa komunikasi interpersonal ialah proses sosial berasaskan kepercayaan yang penting dalam penyampaian pengetahuan. Fenomena ini lebih ketara dalam komuniti luar bandar di Sabah yang terhad akses kepada media digital dan cetak yang menjadikan interaksi harian sebagai sumber utama maklumat (Gnaniah et al., 2006). Agen sosialisasi primer seperti keluarga dan komuniti kekal relevan dalam membentuk pemahaman politik walaupun kajian Razali et al. (2024) menunjukkan pengaruhnya tidak setanding dengan institusi pendidikan atau media sosial dari segi capaian dan intensiti pendedahan.

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa saluran komunikasi di Sabah bukan sekadar menyampaikan maklumat tetapi turut membentuk makna politik yang kompleks. Proses ini dipengaruhi oleh pengalaman sosial, nilai budaya dan interaksi dengan institusi formal serta tidak formal. Literasi politik dalam konteks ini, terbentuk melalui hubungan dinamik antara struktur sosial dan agensi individu. Oleh itu, pembinaan literasi politik yang seimbang dan inklusif memerlukan akses kepada maklumat sah serta strategi pendidikan sivik dan komunikasi awam yang responsif terhadap realiti masyarakat majmuk seperti Sabah.

1. Sistem Bernegara di Malaysia

Pengetahuan politik merangkumi pemahaman terhadap struktur negara, sistem perundangan, institusi pemerintahan dan peranan individu dalam kenegaraan. Dalam konteks ini, kajian terhadap hubungan kuasa Persekutuan-Negeri dan pelaksanaan MA63 menjadikan tahap pengetahuan politik sebagai indikator utama literasi politik. Ia mencerminkan sejauh mana individu memahami dan mampu menilai hak serta kedudukan negeri dalam sistem federalisme Malaysia.

Struktur Negara

Dapatan kajian turut menunjukkan jurang literasi perlembagaan yang ketara khususnya dalam pemahaman terhadap struktur pemerintahan dan fungsi institusi seperti Parlimen, YDPA dan sistem demokrasi berparlimen. Keadaan ini menggambarkan kelemahan struktur sosialisasi formal seperti sistem pendidikan dan media arus perdana yang masih belum berfungsi sepenuhnya dalam menyampaikan pengetahuan tentang sistem kenegaraan (Sualman, 2019). Kelemahan ini berkait rapat dengan naratif kebangsaan yang tidak sepenuhnya mencerminkan realiti lokal dan pengalaman politik wilayah sekali gus memperlihatkan ketaksamaan akses terhadap maklumat sah dan berwibawa. Akibatnya, keupayaan masyarakat untuk memahami dan mengartikulasikan kedudukan negeri dalam struktur federalisme secara kritikal dan bermakna menjadi terbatas (Bourdieu, 1991).

Pengetahuan tentang sistem pemerintahan adalah asas penting dalam pembinaan literasi politik dan kesedaran kenegaraan, khususnya dalam negara persekutuan seperti Malaysia. Kefahaman ini bukan hanya bergantung kepada pendidikan formal tetapi turut terbentuk melalui proses sosialisasi politik yang melibatkan agen seperti sekolah, media, keluarga dan institusi politik (Delli & Ketter, 1996). Menurut Jaros (1973),

sosialisasi politik bersifat dinamik dan tidak linear, dipengaruhi oleh faktor sosio-ekonomi, budaya dan sejarah, serta berubah mengikut tahap interaksi individu dengan institusi sosial dan politik sepanjang hayat mereka.

Dapatan kajian terhadap tiga (3) pernyataan berkaitan sistem demokrasi menunjukkan wujud jurang pemahaman dalam kalangan responden mengenai sistem pemerintahan Malaysia, sekali gus mencerminkan kelemahan dalam pembentukan kesedaran politik. Kajian ini menegaskan keperluan pengukuhan maklumat berkaitan demokrasi bagi memastikan rakyat memahami struktur pemerintahan sekaligus menyertai proses politik secara aktif. Namun, Rogers (2023) menyatakan tahap rendah literasi politik khususnya dalam dimensi maklumat demokrasi sering berpunca daripada kaedah pengukuran yang tidak disesuaikan dengan latar belakang responden. Malah, kelemahan pemahaman turut dipengaruhi oleh peranan media sebagai agen sosialisasi politik yang tidak selalu menyampaikan maklumat secara tepat. Keadaan ini mencerminkan kerapuhan identiti politik warganegara dan mencabar legitimasi sistem politik yang sepatutnya diperkukuh sejak awal pendidikan. Walaupun terdapat kecenderungan positif terhadap sistem demokrasi berparlimen, sebahagian masyarakat masih belum memahami prinsip asas demokrasi berperlembagaan secara menyeluruh.

Sistem pemerintahan Malaysia berasaskan model Demokrasi Westminster yang diwarisi daripada penjajahan British (Hanipah, 2010), namun disesuaikan dengan konteks tempatan melalui kompromi antara Raja-Raja Melayu dan parti politik seperti UMNO, MCA dan MIC menjelang kemerdekaan (Funston, 1980). Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 sebagai reaksi terhadap penolakan Malayan Union menandakan permulaan struktur federal dengan pengiktirafan autonomi negeri (Simandjuntak, 1969). Namun, pengagihan kuasa yang tidak simetri menjadikan sistem ini masih mengekalkan banyak ciri kesatuan pusat (Harding, 1991). Kekurangan pemahaman rakyat terhadap struktur ini mencerminkan kekosongan epistemik seperti yang dinyatakan oleh Bourdieu (1991), apabila institusi pendidikan gagal menyampaikan pengetahuan politik secara menyeluruh.

Mekanisme ini berfungsi melalui pilihan raya sah sebagai saluran utama rakyat memilih wakil ke Parlimen. Tahap pendidikan dan pendedahan kepada institusi formal memainkan peranan penting dalam memperkukuh pemahaman politik. Golongan yang terdedah kepada agen sosialisasi sekunder seperti institusi pengajian tinggi, media rasmi dan wacana politik formal lebih memahami sistem berbanding mereka yang bergantung kepada pengalaman tidak formal atau media sosial tanpa tapisan (Mohd Sabri, 2024).

Menurut Hanifa (2024), Perkara 32(1) Perlembagaan Persekutuan menetapkan YDPA sebagai Ketua Utama Negara dalam sistem Raja Berperlembagaan. Pemilihan secara bergilir dalam kalangan sembilan Raja Melayu menjadikan institusi ini lambang perpaduan nasional dan warisan kenegaraan Melayu. Prinsip kedua Rukun Negara, “Kesetiaan Kepada Raja dan Negara” turut memperkukuh identiti warganegara pelbagai kaum (Hussein, 2024). YDPA mengetuai tiga cabang utama kerajaan iaitu Perundangan, Eksekutif dan Kehakiman serta berkuasa memanggil dan membubarkan Parlimen, selain berperanan sebagai Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera seperti yang diperuntukkan dalam Perkara 41 Perlembagaan.

Dalam sistem Demokrasi Berparlimen Raja Berperlembagaan, Parlimen Malaysia merupakan badan perundangan tertinggi yang terdiri daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Ia bertanggungjawab menggubal undang-undang, menyemak dasar kerajaan dan mewakili suara rakyat (Ghazali, 2022). Dewan Negara menyemak semula rang undang-undang manakala Dewan Rakyat menjadi saluran utama penyampaian suara rakyat melalui wakil yang dipilih secara demokratik. Malah, kefahaman terhadap struktur dan fungsi Parlimen mencerminkan tahap sosialisasi politik masyarakat. Pengetahuan asas seperti nama dan peranan Parlimen menandakan keberkesanan pendidikan sivik serta penyebaran maklumat berperlembagaan. Kekeliruan responden terhadap fungsi Parlimen menunjukkan wujudnya jurang literasi institusi yang boleh menjejaskan kemampuan rakyat menilai dasar awam dan terlibat secara berinformasi dalam proses politik.

Justeru, kajian ini menggesa reformasi kurikulum pendidikan sivik dan pendekatan komunikasi politik agar lebih luas, kontekstual dan selari dengan realiti masyarakat Sabah. Fragmentasi pemahaman terhadap kenegaraan, institusi dan struktur kuasa bukan sekadar kelemahan individu tetapi menunjukkan perlunya penstrukturan semula sistem sokongan sosialisasi politik yang lebih inklusif dan berakar pada pengalaman lokal. Tanpa usaha menyeluruh, aspirasi membina sistem federal yang matang dan responsif terhadap kepribadian masyarakat sukar dicapai.

Bidang Kuasa Perjanjian Malaysia 1963

Pemahaman masyarakat terhadap bidang kuasa seperti yang diperuntukkan dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) merupakan asas penting dalam menilai tahap autonomi negeri Sabah dalam kerangka federalisme Malaysia. Kefahaman terhadap urusan seperti imigresen, tanah, hal ehwal agama dan perisytiharan darurat mencerminkan kesedaran terhadap pembahagian kuasa pusat-negeri. Menurut Watts (2008), pembahagian kuasa yang jelas ialah ciri utama federalisme manakala kegagalan memahami sempadan ini akan menjejaskan keberkesannya. Dalam konteks masyarakat pluralistik seperti Sabah, kekurangan akses kepada maklumat sahih membuka ruang kepada kekeliruan dan manipulasi naratif politik seperti yang diujikan oleh Hutchinson (2014) dalam konteks identiti wilayah.

Tambahan pula, kekeliruan terhadap peruntukan bidang kuasa MA63 mencerminkan kelemahan sosialisasi politik. Jaros (1973) menyatakan sosialisasi politik bukanlah proses linear sebaliknya dipengaruhi oleh konteks sosiobudaya dan institusi. Kegagalan sistem pendidikan dan media arus perdana dalam menyampaikan maklumat mengenai federalisme asimetrik telah melemahkan kefahaman masyarakat sekali gus menggugat legitimasi institusi serta kestabilan kontrak sosial antara kerajaan negeri dan persekutuan (Shafruddin, 1987). Sebagai contoh, bidang kuasa agama Islam yang diperuntukkan secara eksklusif kepada negeri dalam Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, memberi negeri kuasa terhadap zakat, wakaf, syariah, masjid dan pelantikan mufti. Namun begitu, Mahkamah Syariah masih tertakluk kepada batas yang ditetapkan Persekutuan yang menandakan keterikatan autonomi negeri dalam kerangka pusat (Saifuddin et. al., 2023). Oleh itu, menilai tahap kefahaman masyarakat terhadap isu ini penting untuk mengenal pasti jurang literasi politik yang berpunca daripada ketidaksamarataan akses pendidikan dan ketidakseimbangan struktur sosialisasi politik dalam komuniti majmuk.

Dalam isu imigresen, meskipun wacana awam sering menonjolkan autonomi Sabah melalui MA63, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pemahaman masyarakat masih belum menyeluruh. Kekeliruan ini timbul apabila kuasa imigresen negeri disalah anggap sebagai berada di bawah pengaruh penuh Kerajaan Persekutuan. Hakikatnya, Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 1963) memperuntukkan kuasa kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk mengawal kemasukan rakyat dari Semenanjung selaras dengan semangat federalisme MA63. Menurut Faruqi (2008), pengiktirafan bidang kuasa ini merupakan ciri unik dalam sistem persekutuan Malaysia dan perlu difahami secara tuntas. Sebaliknya, dalam isu tanah, responden menunjukkan kefahaman yang lebih tinggi. Melalui pendekatan sosiologi seperti yang diuraikan oleh Berger & Luckmann (1966), pengetahuan sosial terbentuk melalui pengalaman langsung dan interaksi dengan realiti institusi. Maka, isu tanah yang dekat dengan kehidupan harian termasuk hak pribumi dan warisan budaya lebih mudah difahami berbanding isu teknikal seperti imigresen atau darurat. Hal ini dapat dilihat dalam peruntukan Seksyen 88 Ordinan Tanah Sabah yang mengiktiraf tanah adat berdasarkan pengusahaan oleh anak negeri melebihi tiga tahun, menandakan bahawa bidang kuasa negeri dalam hal tanah berakar kukuh dalam sejarah dan struktur sosial masyarakat.

Dalam aspek pengisytiharan darurat, Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan bagi mengatasi bidang kuasa negeri dalam keadaan luar biasa. Walaupun majoriti responden menyedari kewujudan peruntukan ini, ramai masih kabur tentang justifikasi dan batas kuasanya. Kekeliruan ini mencerminkan fenomena "epistemic void" seperti diuraikan oleh Bourdieu (1991) iaitu kekosongan pengetahuan akibat kegagalan institusi menyampaikan maklumat politik secara sistematik. Sehubungan itu, usaha sistematik perlu digerakkan untuk memperkukuh pendidikan sivik dan meningkatkan kefahaman perlembagaan rakyat melalui pendekatan yang inklusif, agar masyarakat lebih peka terhadap kedudukan serta sempadan kuasa dalam sistem federalisme.

Keseluruhannya, perbincangan ini menegaskan bahawa pemahaman terhadap bidang kuasa dalam MA63 bukan sekadar isu teknikal undang-undang tetapi prasyarat penting bagi membentuk warganegara yang celik politik, kritikal dan mampu mempertahankan federalisme yang adil dan inklusif.

Kesimpulan

Kajian ini meneliti tahap literasi masyarakat Sabah terhadap hubungan Kerajaan Negeri dan Persekutuan berasaskan kerangka federalisme Malaysia dengan tumpuan kepada MA63 sebagai asas pembahagian kuasa

dan autonomi. Dapatan menunjukkan tahap literasi politik masih sederhana khususnya dalam aspek struktur negara, sistem pemerintahan dan pembahagian kuasa yang mencerminkan jurang pengetahuan akibat kelemahan sosialisasi politik, pendidikan sivik dan akses maklumat sahih. Justeru, kesedaran politik di Sabah memerlukan pendekatan yang interaktif dan kontekstual manakala pengukuhan literasi politik wajar dijadikan agenda strategik melalui reformasi kurikulum dan penyampaian maklumat digital yang mudah diakses.

Bagi meluaskan pemahaman terhadap dinamika federalisme Malaysia Timur, kajian lanjutan disarankan menggunakan pendekatan kualitatif seperti temu bual naratif dan kajian perbandingan antara negeri bagi meneroka bagaimana identiti wilayah dan sejarah kolektif mempengaruhi persepsi masyarakat terhadap hubungan pusat-negeri. Pendekatan *mixed-methods* turut berpotensi memberi gambaran menyeluruh terhadap impak jangka panjang pendidikan sivik dan literasi politik terhadap sikap dan penglibatan masyarakat. Inisiatif ini penting bagi membentuk warganegara yang celik perlembagaan, kritikal dan berdaya tahan dalam mempertahankan prinsip federalisme yang inklusif dan adil.

Rujukan

- Adil, B. (2023). *Sejarah Sabah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adler, R. B., & Proctor, R. F. (2023). *The Process of Interpersonal Communication*. Fort Worth.
- Agustino, L. & Yusoff, M. A., (2011). *Federalisme di Malaysia: Potret Hubungan Pusat-Daerah*. Dalam Perkasa, V. D., Kristiada, J., Sukma, R., Atje, R., & Hendytio, M. K. Politik Kekkerabatan di Indonesia. Analisis Centre For Strategic and International Studies (CSIS), 40(2), 193-216.
- Alam, S. M. N. (1988). *Federalisme di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz, S. A. (2018). *Islam Dalam Perlembagaan Persekutuan*. IKIM Press.
- Berita Harian. (2023, 31 Mei). Perkongsian Berita Palsu Boleh Bawa Impak Negatif. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1108281/perkongsian-berita-palsu-boleh-bawa-impak-negatif>
- Berger, P. L & Luckmann, T. (1966). *The Social Construction of Reality. A Treatise in the Sociology of Knowledge*. Penguin Books.
- Bing, N. C. (2021). *Pengantar Sains Politik*. Open University Malaysia.
- Bourdieu, P. (1991). *Language and Symbolic Power*. Harvard University Press.
- Delli Carpini, M. X., Keeter, S. (1996). *What Americans Know About Politics and Why It Matters*. Yale University Press.
- Faruqi, S. S. (2008). *Document of Destiny-The Constitution of Federalisme of Malaysia*. Star Publication.
- Funston, N. J. (1980). *Malay Politics in Malaysia: A Study of the United Malaya National/Organisation and Party Islam*. Heinemann Education Books.
- Ghazali, R. (2022). *Sistem Perundangan Malaysia*. Universiti Malaysia Terengganu.
- Gnaniah, J., Songan, P., Yeo, A., Zen, H., & Hamid, K. A. (2006). *Communication Patterns if the Long Bedian Community: Implications for the Development of a Telecentre*. Damai Sciences.
- Gramsci, A. (1971). *Selections from the Prison Notebooks*. International Publishers.
- Hall, S. (1997). *Representation: Cultural Representation and Signifying Practices*. Sage Publications. Open University Press.
- Hanifa, N. A. (2024, 19 Julai). Peranan Penting Yang di-Pertuan Agong Dalam Sistem Negara. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2024/07/1273830/peranan-penting-yang-di-pertuan-agong-dalam-sistemnegara>
- Hanipah, H. (2010). *Pemimpin dan Kepimpinan Dalam Sistem Demokrasi di Malaysia*. Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Harding, S. (1991). *Whose Science? Whose Knowledge? Thinking From Women's Lives*. Cornell University Press.
- Hutchinson, F. E. (2014). Malaysia's Federal System: Overt and Covert Centralisation. *Journal of Contemporary Asia*, 44(3), 422-442. <https://doi.org/10.1080/00472336.2013.878374>

- Ismail, S. T., & Awang Besar, J. (2024). Literasi Politik Pengundi di Parlimen Port Dickson, Negeri Sembilan. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 21 (4), 486-499. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2104.38>
- Jaros, D. (1973) *Socialization to Politics*. Praeger.
- Jawing, J. (2019, 16 September). 16 September detik Bersejarah yang Melahirkan Malaysia. *Utusan Borneo Online*. <https://www.utusanborneo.com.my/2019/09/16/16-september-detik-bersejarah-yang-melahirkan-malaysia>
- Jomo, K. S., & Hui, W. C. (2002). The Political Economy of Malaysian Federalism: Economic Development, Public Policy and Conflict Containment, WIDER Discussion Paper, No. 2002/113. *The United Nations University World Institute for Development Economics Research (UNU-WIDER)*, Helsinki.
- Low, C. C. (2013). *Isu Dwikerakyatan dalam Pembentukan Kewarganegaraan Malaysia 1900 1965*. Universiti Sains Malaysia.
- Manaf, A. A., & Kasimon, M. S. A. (2021). Pemberimilikan Tanah: Sebab Pendorong Kepada Pertikaian Dalam Pembangunan Tanah. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17 (3), 153-166.
- Mohd Basori, N. E., & Awang Besar, J. (2020). Pengaruh Media Terhadap Sokongan Kepada Parti Politik di Malaysia. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(5), 62-80.
- Mohd Nasier, J., Othman, Z., Joko, E. P., & Mohd Rudzainoor, H. I. (2018). Media dan Literasi Politik di Sabah Menjelang PRU-14: Kajian Kes Parlimen Tawau. *Jurnal Kinabalu Edisi Khas*, 199-221. <https://doi.org/10.51200/ejk.vi.1649>
- Mohd Sabri, M. A. A. (2024). *Pengaruh Agen Sosialisasi Politik Terhadap Mahasiswa dan Politik Kampus di Malaysia*. Universiti Sains Malaysia.
- Pejabat Perdana Menteri. (2018). *Kupasan Sejarah Perjanjian Malaysia 1963* (Artikel Khas Sempena Sambutan Hari Malaysia 55 Tahun). <https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Artikel/MA63.pdf>
- Rahman, M. M., Tabash, M. I., Salamzadeh, A., Abdul, S., & Rahaman, M. S. (2022). Sampling Techniques (Probability) For Quantitative Social Science Researchers: A Conceptual Guidelines with Examples. *SEEU Review*, 17(1).
- Razali, N. A., Razali, A., Abdullah M. S., Nor. N. M., Aseri. N. (2024). Tahap Sosialisasi Politik Mahasiswa Melayu di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Pasca Pelaksanaan Undi 18. *Human Sustainable Procedia*, 4(2), 69-76. <https://doi.org/10.30880/hsp.2024.04.02.009>
- Rogers, S. (2023). What Americans know about Statehouse Democracy. *State Politics and Policy Quarterly*, 23(4), 420–442. <https://doi.org/10.1017/spq.2023.19>
- Saifuddin, S., & Anuar, Z. (2023). *Sejarah dan Perkembangan Mahkamah Syariah di Malaysia Serta Usaha Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Dalam Memartabatkan Mahkamah Syariah Selaras Dengan Mahkamah Sivil*. https://www.researchgate.net/publication/368780693_Sejarah_dan_Perkembangan_Mahkamah_Syariah_di_Malaysia_dan_Usaha_Memartabatkannya.
- Salman, A., Yusoff, M. A., Salleh, M. A. M., & Abdullah, M. Y. H. (2018). Penggunaan Media Sosial untuk Sokongan Politik di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*. 3(1), 51-63. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol3iss1pp51-63>
- Simandjuntak, B. (1969). *Malayan Federalism 1945-1963*. Oxford.
- Shafruddin, B. H. (1987). *The Federal Factor in the Government and Politics of Peninsular Malaysia*. *East Asian Historical Monographs*. Oxford University Press, 401.
- Sualman, I. (2019, 17 November). Pendidikan Politik Mesti Diwujudkan. *Sinar Harian Online*. <https://www.sinarharian.com.my/article/57609/pendidikan-politik-mesti-diwujudkan>
- Zawawi, H. Y. (2018). *Politik Federalisme: Kajian Kes Royalti Minyak Kelantan*. [Tesis Ijazah Doktor Falsafah Universiti Kebangsaan Malaysia].